

01/08/2004

Serangan peribadi tidak menguntungkan parti

By Ismail Mat; Ziauddin Sharuddin

LALUAN Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, 55, dalam kerjaya politiknya memang berliku. Pada tahun 1978, ketika berusia 28 tahun sudah dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan empat tahun kemudian diberi kepercayaan sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan pada usia 32 tahun. Dipindahkan dari kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Linggi ke Parlimen Jempol dalam pilihan raya 2004, Mohd Isa terus dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan dalam barisan Kabinet baru.

Dalam politik Umno, beliau tewas dua kali tewas apabila bertanding jawatan Ketua Pemuda pada pemilihan 1993 dan 1996. Pada tahun 2000, Mohd Isa bertanding jawatan Naib Presiden buat kali pertama dan tewas. Kali ini, beliau memutuskan untuk sekali lagi bertanding jawatan yang sama. Mampukah Mohd Isa memberikan kejutan dalam persaingan Naib Presiden kali ini? Wartawan Berita Minggu, ISMAIL MAT dan ZIAUDDIN SHARUDDIN, menemubual beliau mengenai pelbagai isu berkaitan politik dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan di pejabatnya di Putrajaya, Rabu lalu.

APAKAH yang menyebabkan Tan Sri menawarkan diri bertanding Naib Presiden?

Saya menawarkan diri sebagai calon Naib Presiden kerana dengan sedikit sebanyak pengalaman dalam kerajaan dan parti, saya boleh menawarkan perkhidmatan pada peringkat lebih tinggi.

Saya juga boleh dikatakan antara golongan yang lama dalam Majlis Tertinggi, iaitu kira-kira 20 tahun sejak 1984. Saya fikir dengan pengalaman sedikit sebanyak yang ada di negeri dan sekarang di Persekutuan, boleh membantu parti.

Berdasarkan pengalaman lalu bertanding pada peringkat Naib Presiden dan Ketua Pemuda, Tan Sri kalah dalam tiga percubaan. Tidakkah Tan Sri serik?

Saya tidak pernah rasa serik dan tidak pernah rasa kecewa walaupun kalah. Rekod saya pun menunjukkan setelah kalah, saya masih berkhidmat kepada parti dengan baik dan tidak pernah menimbulkan masalah kepada parti. Saya terus memberi sumbangan kepada parti dan sekarang ini ada peluang, saya tawarkan diri. Cuma dua kali saya bertanding Ketua Pemuda, itu senario yang berlainan.

Itu biarlah menjadi bahan sejarah yang boleh kita katakan pada masa akan datang. Suasana Pemuda ketika itu berlainan. Saya ingat pada tahun ini, saya tawarkan kerana sudah tentu senarionya berlainan, tidak seperti masa lalu.

Bagaimana persaingan jawatan Naib Presiden kali ini. Adakah sesengit pemilihan lalu?

Bagi saya, persaingan pemilihan jawatan Naib Presiden kali ini adalah sama seperti masa lalu. Ia adalah suatu proses penawaran diri pemimpin parti untuk jawatan Naib Presiden yang akan dinilai keputusannya oleh perwakilan. Sengit tidak sengit, bagi saya itu tidak menjadi persoalan kerana persaingan ini adalah pertandingan dalam keluarga dan dalam parti.

Oleh itu, ingatan yang dibuat oleh Presiden kita, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, supaya dalam masa kempen tidak ada fitnah, mencerca dan sebagainya sebagai suatu yang cukup tepat. Ini kerana kita tidak perlu mencerca calon lain yang sebenarnya adalah ahli keluarga kita.

Jadi kalau kita buat kerja itu, bererti kita meludah ke langit, akhirnya jatuh kembali ke muka kita atau menepuk air di dulang kerana semua adalah pemimpin Umno. Sebab itu saya berdasarkan rekod bertanding sejak Pemuda

dulu, tidak pernah mencerca calon lain dan saya pun tidak berhasrat begitu. Saya juga memberitahu penyokong bahawa tidak perlu kita membuat serangan peribadi kerana ini tidak menguntungkan parti pada keseluruhan.

Bagaimana pula Tan Sri melihat usaha calon dan tukang kempen kali ini?

Pada pemilihan 1993, itu suatu senario berlainan yang saya tak mahu cakap soal itu. Kalau ada peluang lain bercakap, itu pengalaman yang cukup menarik. Begitu juga pemilihan 1996. Tetapi kempen pada pemilihan kali ini, saya ingat tak ada banyak masalah kerana berjalan dengan baik. Cuma ingatan Majlis Tertinggi serta ingatan Presiden dan Timbalan Presiden mesti dipatuhi kerana ini boleh menjejaskan parti jika kita melanggar terlampau banyak nasihat, terutama dari segi fitnah, serangan peribadi mencerca dan sebagainya.

Selalunya calon yang bertanding tidak melanggar peraturan, tetapi penyokong dan tukang kempen yang bertindak lebih daripada tuan?

Saya sering mengingatkan rakan yang menyokong saya supaya jangan...sejak dulu lagi kerana ini perbuatan yang tidak baik. Kita membuat fitnah, mencerca dan serangan peribadi, tetapi jika pemimpin yang dicerca menang, inilah pemimpin yang akhirnya kita mendedahkan perkara yang mungkin tidak baik kepada umum dan mungkin diambil oleh parti pembangkang. Banyak sejarah yang berlaku dan akhirnya membabitkan ramai pemimpin parti sendiri.

Oleh sebab itu, ini perbuatan tidak baik dan saya harap semua penyokong bukan saja penyokong saya, malah semua penyokong calon lain jangan membuat kerja ini. Kita berkempen ini seperti menjual produk, calon ini apa, calon itu apa. Saya rasa itu sudah memadai. Saya ingat perwakilan semua kenal calon yang bertanding dari A sampai Z. Jadi bagi penyokong, berkempenlah mengenai produk mereka, tunjukkan produk ini yang baik, tak payah cerca mencerca.

Adakah wujud halangan kepada calon untuk memperkenalkan diri kepada perwakilan seperti yang pernah berlaku pada masa lalu?

Sebenarnya mengikut pengalaman saya, semua perwakilan mengenali calon. Siapa yang bertanding sampai ke peringkat Naib Presiden, malah sebahagian besar calon Majlis Tertinggi memang diketahui, terutama bagi mereka yang memegang jawatan. Cuma dalam keadaan ini kena mengikut adat istiadat kitalah. Ada yang nak bercakap, ada yang nak berjumpa. Ini perkara biasa kerana menjadi budaya kita sedemikian. Orang ini kalau nak minta tolong, telefon minta tolong. Ini suatu perkara yang mesti melalui telefon nyatakan, macam kita macam nak jemput orang datang rumah, kita jemputlah.

Saya ingat kempen kali ini, setakat yang saya lihat tak ada banyak masalah yang mengganggu dari segi perjalanan kempen atau memperkenalkan calon kerana semua calon sudah dikenali. Sebahagian besar perwakilan, di samping muka baru, masih ramai muka yang lama. Memang ada saya lihat senarai nama itu berbanding tahun pemilihan terakhir, tahun 2000. Ada sikit perubahan, tetapi sebahagian besar masih perwakilan lama yang saya kira mereka mengenali semua calon. Macam saya katakan, dia dah tahu dah, dia lebih tahu daripada kita.

Pertandingan dibenarkan mengikut amalan demokrasi parti, tetapi ada yang berpendapat pertandingan tetap memberi kesan kepada perpaduan ahli?

Dari segi pertandingan Naib Presiden, saya tidak nampak menimbulkan banyak masalah. Yang boleh memecahkan perpaduan parti dari segi sejarah Umno apabila pertandingan berlaku pada peringkat Presiden dan Timbalan Presiden.

Alhamdulillah, hari ini kita dapati semua kecuali satu bahagian yang tidak menerima pandangan Majlis Tertinggi supaya kedua-dua tokoh kita untuk calon Presiden dan Timbalan tidak ditandingi. Lebih menggembirakan Pemuda dan Wanita juga tidak bertanding. Keadaan ini saya fikir lebih baik dan tidak timbul banyak masalah.

Dalam tiga pemilihan lalu Tan Sri bertanding sebagai Menteri Besar dan kali ini sebagai Menteri Kabinet. Ada sebarang perbezaan?

Perkara ini saya serahkan kepada perwakilan untuk menentukan. Dulu apabila saya bertanding Naib Presiden pertama kali, orang kata saya Menteri Besar. Sekarang ini Menteri Kabinet, jadi tak ada sebab mereka katakan saya Menteri Besar lagi. Ini cuma dari segi percakapan di kalangan pemimpin saja. Keputusan dan penilaiannya terserah kepada perwakilan, apa yang dia nak tafsir.

Sebagai bekas Menteri Besar, boleh Tan Sri ulas mengenai pencalonan kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri yang dikatakan dibuat secara blok?

Sebenarnya dari segi Majlis Tertinggi, memang selalunya orang beri kepada Menteri Besar sebab dia Ketua Perhubungan, Menteri Besar selalunya begitu. Kalau dari segi Naib Presiden, tak ada juga. Saya dulu Menteri Besar bertanding tak menang.

Tan Sri memang hanya akan bertanding Naib Presiden?

Iya!

Apa komen Tan Sri yang dianggap mempunyai peluang tipis untuk menang berdasarkan bilangan pencalonan yang secara perbandingan adalah rendah?

Saya pun tidak berusaha mendapat banyak pencalonan. Bagi saya asalkan melepasi halangan atau memenuhi kuota syarat untuk bertanding, saya kira sudah mencukupi. Saya fikir selepas itu, terserahlah kepada saya untuk menentukan sokongan yang diterima dari bahagian lain. Tambah pula Naib Presiden, kita ada tiga orang yang boleh diundi. Banyak pilihan yang boleh dibuat perwakilan.

Ini bermakna pencalonan tidak menentukan kemenangan?

Saya fikir tidak ada banyak masalah. Begitu juga ketika saya bertanding pada 1993, dapat pencalonan sikit, tetapi saya dapat undi yang banyak juga. Tidak ada masalah dari segi itu.

Ada pihak berpendapat bahawa satu daripada tiga jawatan Naib Presiden wajar diberikan kepada calon yang tidak mempunyai kedudukan dalam kerajaan. Apa pandangan Tan Sri?

Ini saya susah nak jawab sebab calon yang bertanding ada yang tiada kedudukan dalam kerajaan. Jadi itu menyinggung pula, itu saya agak rumit. Kalau semua calon memegang jawatan dalam kerajaan, itu mudah. Apabila ada sahabat saya yang tak memegang jawatan, itu perkara yang tak elok bagi saya ulas. Sebab saya katakan kita semua bertanding ini sahabat. Jadi kalau saya buat komen mengenai argument seperti itu. Argument ini bukan sesuatu yang baru, saya ingat pada pemilihan tahun 2000 dulu pun timbul juga.

Nak membanyakkan orang yang tak ada dalam kerajaan bagi check and balance katanya. Ini saya ada sebut dalam temuramah yang lain. Ketika itu belum begitu jelas pertandingan ini. Jadi ini terpulang kepada perwakilan, sama ada pandangan mereka bagaimana. Dulu tahun 2000 memang ada dijadikan sebagai isu kempen meramaikan golongan tidak ada jawatan dalam kerajaan dalam Majlis Tertinggi. Jadi ada juga pandangan demikian, bukan pandangan yang baru berlaku tahun ini.

Tan Sri tewas dalam pemilihan Naib Presiden pada tahun 2000 dan dilantik menganggotai Majlis Tertinggi. Kali ini, Presiden parti menyatakan calon Naib Presiden yang kalah tidak semestinya dilantik menganggotai Majlis Tertinggi?

Bagi saya memang Presiden berhak melantik beberapa orang seperti diperuntukkan oleh Perlembagaan parti. Terserah kepada Pak Lah untuk memikirkan sesiapa yang sesuai untuk menduduki jawatankuasa tambahan Majlis Tertinggi. Jadi, dari mana golongan ini hendak diambil, sudah tentu adalah hak Presiden sendiri dan kita pun tak pernah mempersoalkan hak itu.

Sanggupkah calon Naib Presiden, termasuk Tan Sri menanggung risiko jika kalah dan tak dilantik menganggotai Majlis Tertinggi?

Yalah! Sebab saya fikir pun mustahil Pak Lah boleh melantik semua. Yang Pak Lah boleh lantik hanya beberapa orang. Kalau semuanya yang layak bertanding, berapa orang? Lapan orang, takkan semua hendak dilantik. Terserah kepada Presiden untuk memilih, kita pun tak nak sebut, kita pula menentukan Presiden mesti ambil yang kalah atau yang tak bertanding. Jadi beri kebebasan kerana itu memang mengikut Perlembagaan parti, hak Presiden. Seperti saya juga, saya ketua bahagian, jadi saya ada hak melantik lima orang ahli jawatankuasa tambahan. Itu hak saya, sama ada saya nak melantik orang itu, orang ini.

Ada pihak melihat bertanding Naib Presiden adalah batu loncatan untuk pergi ke dua jawatan tertinggi parti?

Soal ini kita tak perlu fikirkan kerana dalam sejarah Umno, macam-macam hal boleh berlaku. Oleh sebab itu, saya tidaklah nak menyatakan nak menjadikan batu loncatan. Tidak, cuma saya kata saya ada pengalaman lebih sikit, mungkin saya ingin menyumbang, itu saja. Batu loncatan tak boleh kerana ini soal kedudukan, tak dapat kita tentukan. Hanya ditentukan oleh Presiden, perwakilan dan juga Allah yang menentukan rezeki masing-masing. Tak ada saya fikirkan bab itu.

Bagaimana pula Tan Sri melihat masalah politik wang yang terus diperkatakan dalam pemilihan Umno?

Ini suatu yang sangat berbahaya dan sebenarnya kita sendiri sudah membuat ikrar bersama-sama ketika Tun Dr Mahathir Mohamad, menjadi Presiden dalam persidangan agung beberapa tahun lampau. Ini mesti dihayati oleh semua pihak, yang menyumbang, yang menerima dan sebagainya mesti sama-sama main peranan. Kalau semua sama-sama main peranan, Insya-Allah tak adalah banyak masalah.

Setakat mana masalah ini berjaya dibanteras?

Setakat ini, belum ada bukti dan kenyataan. Malah Majlis Tertinggi pun berbincang walaupun kita dengar cerita-cerita hingga Jawatankuasa Disiplin mewujudkan pemantauan ini. Insya-Allah, agaknya ini akan menjadi satu lagi jentera mengatasi atau mengurangkan masalah ini.

Semua orang bercakap bahawa politik wang tidak baik, tetapi bolehkah kempen digerakkan tanpa wang?

Masalahnya ialah semua pihak mesti main peranan. Yang memberi dan menerima. Kalau sama-sama main peranan, tak adalah masalah. Semua orang sedar dan kita mesti cuba membantu bagi mengatasi persoalan ini.

(END)